

KAEDAH PENYELUDUPAN DADAH YANG DIJALANKAN SINDIKET PENYELUDUPAN DADAH DARI SEGI TIGA EMAS THAILAND KE MALAYSIA

THE DRUG SMUGGLING METHODS IMPLEMENTED BY DRUG TRAFFICKING ORGANISATIONS FROM THAILAND'S GOLDEN TRIANGLE TO MALAYSIA

Amer Fawwaz Mohamad Yasid^{1*} and Noraini Zulkifli²

¹Faculty of Administrative Science and Policy Studies, Universiti Teknologi MARA, Seremban 3 Campus, Negeri Sembilan, Malaysia

²Department of International Relations, Security and Law, Faculty of Management and Defence Studies, Universiti Pertahanan Nasional Malaysia, Kuala Lumpur, Malaysia

*Corresponding author: amerfawwaz@uitm.edu.my

Published online: 30 April 2025

To cite this article: Amer Fawwaz Mohamad Yasid and Noraini Zulkifli. 2025. Kaedah penyeludupan dadah yang dijalankan sindiket penyeludupan dadah dari Segi Tiga Emas Thailand ke Malaysia. *Kajian Malaysia* 43(1): 225–250. <https://doi.org/10.21315/km2025.43.1.11>

To link to this article: <https://doi.org/10.21315/km2025.43.1.11>

ABSTRACT

Drug smuggling is a threat faced by all countries, including Malaysia. The existence of Thailand's Golden Triangle in the early 1950s led to the entry of drugs into Malaysia by drug trafficking syndicates. The country's proximity to Thailand's Golden Triangle has led to drug trafficking syndicates, making Malaysia a transit hub for international drug smuggling and distribution. Drug smuggling syndicates are always looking for ways to bring drugs into Malaysia using various types of smuggling methods to obscure the security forces that guard the country's borders. This situation occurs because there is a high demand for drug supply. This study was conducted to identify the drug smuggling methods that drug smuggling syndicates have used to bring in drugs from the Golden Triangle of Thailand to Malaysia. The study used a qualitative method based on two data sources: primary data and secondary data. Primary data were obtained through a process of field research and interviews with informants. Meanwhile, secondary data sources were obtained from scholarly books, academic theses, journal articles

and official government documents. The findings of the study describe the methods used by drug smuggling syndicates to bring in drugs from the Golden Triangle of Thailand to Malaysia, as well as the factors that cause the entry of drugs from abroad.

Keywords: drugs, drugs smuggling, Thailand Golden Triangle, drugs threat to Malaysia

ABSTRAK

Penyeludupan dadah merupakan ancaman yang dihadapi oleh semua negara termasuk Malaysia. Kewujudan Segi Tiga Emas Thailand pada awal 1950-an menyebabkan dadah dibawa masuk ke Malaysia oleh sindiket penyeludupan dadah. Kedudukan negara yang berhampiran dengan Segi Tiga Emas Thailand menyebabkan sindiket penyeludupan dadah menjadikan Malaysia sebagai hab transit bagi penyeludupan dan pengedaran dadah antarabangsa. Sindiket penyeludupan dadah sentiasa mencari jalan untuk membawa masuk dadah ke Malaysia dengan menggunakan pelbagai kaedah penyeludupan bagi mengaburi pasukan keselamatan yang menjaga sempadan negara. Keadaan ini berlaku kerana terdapat permintaan yang tinggi bagi bekalan dadah. Kajian ini dijalankan untuk mengenal pasti kaedah penyeludupan dadah yang telah digunakan oleh sindiket penyeludupan dadah bagi membawa masuk dadah dari Segi Tiga Emas Thailand ke Malaysia. Kajian menggunakan kaedah kualitatif berdasarkan dua sumber data iaitu data primer dan data sekunder. Data primer diperoleh melalui proses kajian lapangan dan temu bual bersama informan. Manakala, sumber data sekunder diperoleh daripada buku ilmiah, tesis akademik, artikel jurnal dan dokumen rasmi kerajaan. Dapatan kajian telah menerangkan kaedah yang digunakan oleh sindiket penyeludupan dadah bagi membawa masuk dadah dari Segi Tiga Emas Thailand ke Malaysia serta faktor-faktor yang menyebabkan kemasukan dadah dari luar negara.

Kata kunci: dadah, penyeludupan dadah, Segi Tiga Emas Thailand, ancaman dadah terhadap Malaysia

PENDAHULUAN

Isu penyeludupan dadah merupakan ancaman keselamatan yang besar terhadap setiap negara. Menurut Cornell (2007), sejak tamat Perang Dingin terdapat peningkatan ancaman keselamatan yang melibatkan keselamatan nasional dan

keselamatan bukan tradisional yang wujud merentasi sempadan negara seperti aktiviti penyeludupan dadah. Wan Azmi Ramli (1986) menegaskan bahawa masalah ini wujud kerana terdapat permintaan yang tinggi dalam kalangan pengedar dadah dan penggunaanya. Keadaan ini menyebabkan berlaku kemasukan dadah secara haram dari luar negara, sekali gus mewujudkan ancaman keselamatan terhadap negara seperti Malaysia.

Aktiviti penyeludupan dadah tidak terikat kepada sempadan geografi ataupun bentuk muka bumi sesebuah negara. Scorzelli (1987) menjelaskan bahawa terdapat dua kawasan utama pengeluaran dadah di dunia iaitu kawasan Bulan Sabit Emas ataupun dikenali sebagai Golden Crescent—Pakistan, Afghanistan dan Iran serta kawasan Segi Tiga Emas ataupun Golden Triangle—Myanmar, Thailand dan Laos. Terletak di Asia Tenggara, kawasan Segi Tiga Emas ini menjadi pusat tumpuan utama aktiviti perdagangan dan penyeludupan dadah secara besar-besaran (Chouvy 2013) dan lokasinya pula terletak di banjaran pergunungan negara-negara tersebut. Chin dan Zhang (2015) menyatakan Segi Tiga Emas berkeluasan 150,000 batu persegi. Menurut Chalk (2000), Segi Tiga Emas merupakan sebuah kawasan yang popular dengan penghasilan dadah. Kawasan tersebut dikenal pasti menjadi tempat penanaman pokok popi yang menghasilkan dadah jenis heroin¹ (Chin dan Zhang 2015).

Nama Segi Tiga Emas diilhamkan oleh Timbalan Setiausaha Negara Amerika Syarikat, Marshall Green pada sidang akhbar 12 Julai 1971. Beliau merujuk kawasan segi tiga di Burma (Myanmar), Laos, Yunnan (China) dan Thailand sebagai kawasan penanaman pokok popi serta pengeluaran heroin (Chouvy 2010). Awal tahun 1960-an hingga penghujung tahun 1970-an, kawasan ini menjadi tumpuan pelbagai sindiket penyeludupan dadah antarabangsa kerana ketika itu Segi Tiga Emas Thailand menjadi pusat pengeluaran utama candu dunia. Menurut Sen (1991), kawasan penanaman utama pokok popi di Segi Tiga Emas Thailand berpusat di wilayah Chiang Mai, Chiang Rai, Mae Hong Son dan Nan. Sabhasri (1978) menjelaskan bahawa faktor kesesuaian iklim, bentuk muka bumi dan kesuburan tanah bagi penanaman pokok popi telah menyumbang kepada dua pertiga bekalan candu dunia yang dihasilkan di kawasan tersebut. Perkara ini disokong oleh Wiant (1985) yang mengatakan bahawa Segi Tiga Emas memiliki keadaan tanah yang subur dan suhu yang sesuai untuk pertumbuhan pokok popi.

Oleh yang demikian, kajian ini dijalankan bagi mengkaji kaedah penyeludupan dadah di Segi Tiga Emas Thailand. Kewujudan Segi Tiga Emas sejak awal tahun 1960-an telah menimbulkan ancaman keselamatan yang melibatkan kegiatan penyeludupan dan pengedaran dadah khususnya di Asia Tenggara kerana Segi Tiga Emas pernah menjadi pengeluar utama bekalan heroin dunia pada era

1970-an (Spencer dan Navaratnam 1981). Kedudukan geografi Malaysia yang berhampiran Segi Tiga Emas Thailand membolehkan sindiket penyeludupan dadah membawa masuk dadah ke Malaysia sebelum dipasarkan ke pasaran antarabangsa (Abdul Ghafar 1988). Tambahan pula sindiket penyeludupan dadah menjadikan Malaysia sebagai lokasi hab transit penyeludupan dadah antarabangsa (Chouvy 2013). Bekalan dadah diseludup masuk melalui kawasan utara dan timur laut Semenanjung Malaysia. Pasukan keselamatan seperti Agensi Kawalan Sempadan Malaysia (AKSEM), Rejimen Sempadan dan Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik Polis Diraja Malaysia (JSJN PDRM) sentiasa melakukan penguatkuasaan tetapi jenayah melibatkan penyeludupan dan pengedaran dadah masih lagi wujud serta tidak dapat dibanteras secara menyeluruh hingga ke hari ini.

SOROTAN LITERATUR

Perbincangan berkaitan sejarah kemasukan dan penyeludupan dadah di Malaysia amat terhad ekoran penulisan tentang kajian dadah lebih fokus kepada penyeludupan dadah di Amerika Latin, Bulan Sabit Emas Afghanistan ataupun di Segi Tiga Emas Thailand secara umum. Masalah penyeludupan dadah dari Thailand ke Malaysia telah ditulis oleh O'Callaghan (1978) yang menyatakan bahawa sindiket kongsi gelap Chiu Chiuw telah membina makmal pemprosesan heroin di kawasan Chiang Mai, Lak dan Lampong, Thailand. Dengan objektif untuk menukar candu menjadi heroin, sindiket Chiu Chiuw membawa masuk saintis dari Taiwan untuk menjalankan pemprosesan heroin yang menghasilkan produk Heroin Nombor 4 dengan ketulenan 92% (heroin berkualiti tinggi). Penulis mengesahkan maklumat bahawa heroin yang siap diproses dihantar ke Hong Kong yang merupakan pasaran utama terbesar di kawasan Asia Timur. Manakala pasaran heroin kedua terbesar di Asia Tenggara adalah di Malaysia yang menerima bekalan melalui sempadan Malaysia-Thailand (Sen 1991).

Sementara itu, Spencer dan Navaratnam (1981) menyatakan bahawa seawal kurun ke-18, dadah (candu) telah dibawa masuk oleh pelombong bijih timah berbangsa Cina ke Tanah Melayu yang bekerja dalam sektor perlombongan bijih timah milik British. Kedatangan pelombong ini telah memperkenalkan budaya menghisap candu dan ganja dalam kalangan penduduk tempatan. British mengambil kesempatan dengan mengeluarkan lesen dan mewujudkan rumah menghisap candu secara sah. Sejak tahun 1936 terdapat 32,000 penghisap candu yang berdaftar di Negeri-Negeri Melayu Bersekutu. Penulis turut membincangkan masalah peningkatan penyeludupan dadah ke Malaysia sejak akhir tahun 1960-an dari luar negara terutamanya jenis heroin.

Wan Azmi (1986; 1998) menyatakan bahawa Malaysia dijadikan hab transit sindiket penyeludupan dadah antarabangsa terutama di negeri-negeri yang bersempadan dengan Thailand sebagai lokasi menjalankan proses penukaran candu kepada heroin untuk pasaran dadah antarabangsa. Terdapat bukti yang menunjukkan bahawa pada dekad 1970-an Parti Komunis Malaya terlibat secara langsung dalam penyeludupan dan pengedaran dadah di Malaysia melalui kewujudan pusat pemprosesan candu dan heroin. Ia ditemui oleh pasukan keselamatan negara Malaysia-Thailand ketika operasi rondaan bersepadu yang dijalankan di kawasan hutan belantara berdekatan sempadan Malaysia-Thailand. Sejak akhir 1970-an, Kerajaan Malaysia mengambil langkah serius membasmi aktiviti penyeludupan dadah yang berlaku di sekitar sempadan Malaysia-Thailand dengan menubuhkan unit khas yang dikenali sebagai Unit Pencegah Penyeludupan. Aktiviti penyeludupan dadah di Malaysia kebanyakannya tertumpu di negeri sempadan Thailand—Kelantan, Kedah, Perak dan Perlis. Kelantan menjadi pusat tumpuan kegiatan penyeludupan dadah sejak tahun 1980-an. Kawasan pantai timur Malaysia itu dijadikan pusat pengedaran dadah di Semenanjung Malaysia. Kawasan utama yang dikenal pasti menjadi tumpuan sindiket penyeludupan dadah antarabangsa dari Thailand ialah Pasir Mas, Kelantan yang disebabkan oleh faktor geografinya yang berdekatan dengan sempadan negara itu.

Sarina (2012) dalam buku *Drug Abuse and Human Rights: Cases and Commentaries* berpendapat bahawa kemasukan dadah jenis heroin dari Segi Tiga Emas Thailand ke Malaysia sejak awal 1960-an telah mewujudkan ancaman terhadap keselamatan negara. Candu atau opiat² digunakan oleh kaum Cina di Malaysia dalam perubatan tradisional. Namun penggunaan heroin mula mendapat perhatian golongan muda sejak awal 1970-an berikutan kemasukan bekalan dadah tersebut dari Segi Tiga Emas Thailand. Penulis menjelaskan bahawa kewujudan kawasan penanaman pokok popi di Segi Tiga Emas telah mendatangkan ancaman keselamatan kepada Malaysia kerana kedudukan geografi yang berhampiran. Keadaan ini secara tidak langsung menjadikan Malaysia sebagai hab transit kegiatan penyeludupan serta pengedaran dadah di rantau Asia Tenggara. Kajian Desrosiers et al. (2016) menerangkan secara spesifik bahawa trend penyalahgunaan dadah di Kelantan oleh golongan penagih dadah banyak melibatkan penyalahgunaan dadah jenis Amphetamine Type Stimulants (ATS). Peningkatan penagihan ATS dapat dilihat pada tahun 2012 apabila berlaku tangkapan seramai 9,413 orang berbanding 5,300 orang penagih ATS pada tahun 2010. Penulis menegaskan faktor peningkatan bilangan kes tangkapan penagih dadah di Kelantan adalah disebabkan oleh faktor kemasukan dadah yang berleluasa melalui sempadan Thailand. Latar belakang sejarah, sosiobudaya (hubungan kekeluargaan) dan aktiviti perniagaan rentas sempadan menjadi faktor penyumbang kemasukan dadah jenis ini.

Kegiatan penyeludupan dadah beroperasi di serata dunia. Terdapat beberapa penulisan dan penyelidikan utama yang dihasilkan oleh ahli akademik dan penyelidik berkaitan dengan kegiatan penyeludupan dadah khususnya di Segi Tiga Emas Thailand. Chouvy dan Meissonnier (2004) memerihalkan sejarah kewujudan Segi Tiga Emas Thailand, aktiviti penyeludupan dadah di kawasan tersebut, serta kegiatan penghasilan dadah jenis Methamphetamine di Segi Tiga Emas Thailand yang dilakukan secara berfokus. Penulis turut membincangkan maklumat berkaitan laluan yang digunakan oleh sindiket penyeludupan dadah dari utara Thailand yang memindahkan dadah yang siap diproses ke selatan Thailand melalui Kemboja dan Laos. Rogers (2008) membincangkan perihai Segi Tiga Emas Thailand menjadi pengeluar heroin utama dunia selepas tamat Perang Vietnam 1963–1975. Perbincangan tersebut menekankan isu-isu yang berlaku di Segi Tiga Emas Thailand iaitu teknik penyeludupan yang digunakan sindiket penyeludupan dadah, kumpulan-kumpulan yang terlibat, penggubahan wang haram oleh kumpulan perniagaan yang mendapat hasil daripada penjualan dadah serta campur tangan politik pihak Agensi Perisikan Pusat Amerika Syarikat (CIA) yang menjalankan operasi rahsia di Segi Tiga Emas ketika Perang Vietnam dan kesannya. Implikasi kewujudan Segi Tiga Emas serta impaknya terhadap Asia Tenggara yang menyuburkan lagi aktiviti penyeludupan dadah di kawasan serantau sejak awal tahun 1960-an lagi turut dijelaskan.

Chouvy (2013) mengulas kewujudan Segi Tiga Emas Thailand serta kepentingan kawasan tersebut sebagai pusat pengeluaran candu di Asia Tenggara. Kegiatan penyeludupan dadah amat sukar dibendung kerana faktor geografi dan bentuk muka bumi Asia Tenggara yang bergunung-ganang serta diliputi hutan tebal menyebabkan aktiviti tersebut sukar dikesan oleh pasukan keselamatan. Segi Tiga Emas telah wujud sejak Perang Vietnam, dan kuasa-kuasa besar seperti Amerika Syarikat dengan penglibatan CIA telah menggunakan penanaman pokok popi sebagai sumber kewangan bagi membiayai operasi gelap yang dijalankan untuk melawan pemberontakan komunis di Vietnam ketika itu. Turut diulas ialah laluan penyeludupan dadah yang digunakan oleh sindiket penyeludupan dadah yang beroperasi di Segi Tiga Emas Thailand hingga merangkumi seluruh Asia Tenggara. Malaysia tidak terkecuali dijadikan hab transit penyeludupan dadah secara besar-besaran. Romeo et al. (2020) pula menjelaskan bahawa situasi penyeludupan dadah dari Segi Tiga Emas Myanmar dan Laos telah menggugat keselamatan negara-negara Asean seperti Thailand dan Malaysia kesan daripada aktiviti penyeludupan dadah oleh sindiket penyeludupan dadah antarabangsa. Diketengahkan juga isu penggunaan dron berteknologi tinggi yang berupaya memantau serta memperkukuh keselamatan sempadan Malaysia daripada dicerobohi sindiket penyeludupan dadah antarabangsa. Hal ini kerana Segi Tiga Emas masih lagi aktif dengan kegiatan pengeluaran dadah di Asia Tenggara sekali gus mewujudkan ancaman terhadap keselamatan negara Malaysia.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif yang mempraktikkan pengumpulan data penyelidikan menggunakan pelbagai jenis sumber. Menurut Pierce (2008), kaedah kualitatif mempunyai kelebihan dan kekuatan dari aspek penerangan kepada permasalahan secara teliti dan mendalam. Dikukuhkan dengan rujukan pelbagai sumber kajian seperti temu bual dan pemantauan, penyelidik perlu turun ke lapangan untuk mendapatkan data secara langsung (Flick 2006). Namun, Barbour (2008) menjelaskan bahawa kaedah kualitatif mempunyai kelemahan kerana tidak boleh diguna pakai untuk mendapatkan jawapan kepada sesebuah persoalan yang bersifat bilangan (*numerical*) ataupun persoalan yang melibatkan punca sesuatu masalah. Terdapat dua jenis sumber maklumat kajian iaitu sumber primer dan sumber sekunder.

Sumber Primer

Sumber primer terdiri daripada kaedah temu bual dan kajian lapangan. Sesi temu bual bersama informan dilaksanakan secara bersemuka dan tidak bersemuka. Kaedah bersemuka memiliki kelebihan iaitu membenarkan penyelidik mempelajari dan merasai pengalaman informan melalui penceritaan sewaktu proses temu bual dijalankan; perasaan (sedih, marah, gembira), perbuatan, insiden serta mendapat pengetahuan baharu yang mungkin tidak boleh didapati melalui pembacaan (Muthiah 2008). Namun, kaedah ini mempunyai kelemahan kerana memerlukan masa dan kos untuk dilaksanakan serta kesesuaian pemilihan informan yang tepat dengan bidang tumpuan.

Manakala kaedah tidak bersemuka dijalankan menggunakan mel elektronik atau persidangan video secara dalam talian untuk informan yang mempunyai kekangan masa atau lokasinya yang berjauhan. Seramai 34 informan telah ditemu bual dalam kajian ini yang terdiri daripada informan primer dan sekunder. Informan primer terlibat secara langsung dalam bidang penguatkuasaan dan pencegahan dadah serta orang tempatan di kawasan kajian. Mereka merupakan anggota lapangan dalam operasi membanteras penyeludupan dadah iaitu pasukan tentera, polis, AKSEM, JSJN PDRM, rejimen sempadan, Pegawai Perhubungan Pejabat Koordinasi Sempadan Malaysia-Thailand, Tentera Darat Diraja Thailand, Lembaga Pencegahan Narkotik Thailand serta Pasukan Polis Sempadan Thailand. Informan sekunder terdiri daripada ahli akademik dan pakar dalam kajian dadah dan hubungan antarabangsa daripada institusi pengajian tinggi awam seperti Institut Penyelidikan dan Penyalahgunaan Dadah ASEAN Universiti Sains Islam Malaysia serta Jabatan Hubungan Antarabangsa dan Strategi Universiti Malaya. Faktor pemilihan informan adalah berdasarkan keterlibatan secara langsung dalam

fenomena kajian serta memiliki kepakaran dan pengalaman ketika menjalankan kajian terhadap pencegahan penyeludupan dadah ke Malaysia.

Kajian lapangan dijalankan untuk mendapatkan maklumat tambahan berkaitan dengan kaedah serta laluan yang digunakan sindiket penyeludupan dadah untuk menyeludup dadah dari Segi Tiga Emas Thailand ke Malaysia. Proses ini memberikan gambaran visual dan realiti kepada penyelidik tentang kawasan yang ingin dikaji (Bovaird dan Embretson 2008). Alat perakam video dan kamera digunakan bagi merakam imej kawasan lapangan kajian. Manakala alat perakam suara digunakan untuk merekodkan suara supaya data yang diperolehi tidak tertinggal selain dapat mengurangkan sebarang gangguan sewaktu kajian lapangan dijalankan (Ritchie et al. 2014). Kajian lapangan telah dijalankan di beberapa kawasan seperti Kompleks Imigresen, Kastam, Kuarantin dan Keselamatan (Immigration, Customs, Quarantine and Security, ICQS) yang terletak bersempadan dengan Thailand bagi mengenal pasti laluan, kaedah serta taktik yang digunakan sindiket penyeludupan dadah. Kawasan kajian adalah seperti dalam Jadual 1.

Jadual 1: Kawasan kajian lapangan

Lokasi kajian lapangan	Tarikh	Aktiviti
Kompleks Imigresen Pengkalan Hulu, Perak	17.12.2020	Binaan pagar sempadan sangat kukuh serta mempunyai kawalan keselamatan ketat. Hasil temu bual informan menunjukkan bahawa sindiket penyeludupan dadah tidak menggunakan laluan Pengkalan Hulu secara aktif kerana bentuk muka bumi yang bergunung-ganang serta semak samun menyukarkan laluan. Namun begitu, Kompleks Imigresen Pengkalan Hulu tidak dilengkapi mesin pengimbas kenderaan. Keadaan ini memungkinkan kemasukan dadah menggunakan kenderaan awam atau motosikal dari Thailand yang diubah suai bagi mempunyai ruangan khas tambahan.
Kompleks ICQS Rantau Panjang dan kawasan sekitar tebing Sungai Golok, Kelantan	27.1.2021	Kawasan tebing Sungai Golok tidak mempunyai sebarang bentuk pengadang atau struktur binaan pagar keselamatan. Keadaan ini memudahkan sindiket penyeludupan dadah dari Thailand membawa masuk bekalan dadah ke Malaysia melalui Rantau Panjang. Terdapat pangkalan haram dibina oleh penduduk tempatan di sekitar tebing Sungai Golok untuk kegunaan harian tetapi dimanfaatkan oleh sindiket penyeludupan dadah untuk kegiatan penyeludupan. Semak-samun sepanjang tebing serta kedudukan

(bersambung)

Jadual 1 (*sambungan*)

Lokasi kajian lapangan	Tarikh	Aktiviti
		rumah-rumah penduduk tempatan dan gudang simpanan barangan yang padat dikhuatiri menjadi lokasi transit penyeludupan dadah serta barangan haram oleh sindiket penyeludupan dadah dari Thailand. Bagaimanapun, kawalan keselamatan di Kompleks ICQS Rantau Panjang adalah baik. Kompleks ini dilengkapi mesin pengimbas kenderaan berteknologi tinggi serta sistem pengawasan kamera litar tertutup bagi mengesan sebarang aktiviti penyeludupan dadah menggunakan kenderaan awam ataupun lori perdagangan dari Thailand.
Kompleks ICQS Bukit Kayu Hitam, Kedah	7.3.2021	Kawalan keselamatan di Kompleks ICQS Bukit Kayu Hitam adalah ketat kerana baru sahaja dinaik taraf pada tahun 2016. Kompleks ini mempunyai sistem kawalan keselamatan seperti penggunaan mesin pengimbas kenderaan berteknologi tinggi di laluan lori perdagangan dan kenderaan awam serta penggunaan sistem pengawasan kamera litar tertutup yang terkini meningkatkan lagi tahap keselamatan sempadan bagi membanteras kemasukan dadah oleh sindiket penyeludupan dadah dari Thailand secara berkesan. Pihak ICQS Bukit Kayu Hitam mengesahkan terdapat tangkapan penyeludup dadah yang membawa masuk dadah menggunakan kenderaan yang telah diubah suai seperti lori perdagangan dan kereta.
Kompleks Imigresen Durian Burung, Kedah	7.3.2021	Binaan pagar keselamatan di sekitar Kompleks Imigresen Durian Burung sangat kukuh, menyukarkan kemasukan sindiket penyeludupan dadah dari Thailand ke Malaysia. Walau bagaimanapun, kompleks ini tidak dilengkapi mesin pengimbas kenderaan di lorong kemasukan kereta atau motosikal. Keadaan ini membolehkan sindiket penyeludupan membawa dadah membolosi kawalan keselamatan menggunakan kereta atau motosikal yang diubah suai bagi mempunyai ruangan khas tambahan.
Kompleks Imigresen Wang Klian, Perlis	8.3.2021	Kawasan Kompleks Imigresen Wang Klian dilengkapi struktur tembok keselamatan kukuh serta sukar dibolosi sindiket penyeludupan dadah dari Thailand. Namun, kompleks ini tidak dilengkapi mesin pengimbas kenderaan berteknologi tinggi, sekali gus memudahkan kemasukan dadah menggunakan kenderaan awam atau motosikal dari Thailand.

(*bersambung*)

Jadual 1 (sambungan)

Lokasi kajian lapangan	Tarikh	Aktiviti
Kompleks ICQS Padang Besar serta kawasan <i>Checkpoint</i> 11, Perlis	8.3.2021	Kompleks ICQS Padang Besar dan kawasan <i>Checkpoint</i> 11 merupakan kawasan keselamatan sempadan Malaysia-Thailand. Kompleks ini dilengkapi mesin pengimbas kenderaan serta sistem pengawasan kamera litar tertutup sebagai sistem keselamatan. Namun terdapat beberapa kesan kemasukan penyeludup melalui kawasan <i>Checkpoint</i> 11 berdasarkan pemerhatian terhadap struktur pagar sempadan yang berlubang akibat dipotong. Terdapat pondok dibina bersebelahan kawasan pagar keselamatan berkemungkinan digunakan sindiket penyeludupan sebagai lokasi transit sebelum membawa masuk barangan haram ke Malaysia melalui kawasan <i>Checkpoint 11</i> Padang Besar.
Kawasan Pintu 2 dan Pintu 3 Batu Putih, Perlis	8.3.2021	Terdapat lubang besar pada pagar keselamatan Pintu 2 yang telah dirosakkan. Juga wujud lorong tikus berhampiran kawasan Pintu 3 yang digunakan secara aktif oleh sindiket penyeludupan dadah dari Thailand bagi membawa masuk bekalan dadah melalui kawasan Batu Putih terutamanya pada waktu malam. Keadaan struktur pagar Pintu 2 yang berkarat dan reput (faktor pengaratan dan pereputan) kerana iklim tropika menyebabkan binaannya mudah dirosakkan oleh sindiket penyeludupan (dadah/barang larangan).

Sumber Sekunder

Antara sumber sekunder yang digunakan ialah buku, artikel jurnal, tesis akademik, surat khabar, majalah, monograf serta dokumen-dokumen rasmi kerajaan, yang dibahagikan kepada dua jenis iaitu sumber bercetak dan juga sumber tidak bercetak.

Pengumpulan data sekunder bercetak dijalankan melalui kaedah kajian kepustakaan. Sinn dan Soares (2014) menyatakan bahawa kaedah kajian kepustakaan seperti penelitian buku-buku ilmiah, tesis akademik, monograf dan peta lama dapat membantu penyelidik menambahkan maklumat yang diperlukan dalam kajian. Kaedah ini tidak memerlukan kos yang tinggi kerana bahan yang dianalisis mudah diperoleh seperti surat khabar, dokumen rasmi kerajaan, rekod awam serta rekod-rekod penulisan rasmi yang wujud di perpustakaan atau arkib (Berg 2004). Bahan rujukan dalam kajian ini diperoleh dari Perpustakaan Jeneral Tun Ibrahim Ismail Universiti Pertahanan Nasional Malaysia, Perpustakaan

Utama Universiti Malaya, Perpustakaan Tun Sri Lanang Universiti Kebangsaan Malaysia, Perpustakaan Agensi Anti Dadah Kebangsaan, Perpustakaan Universiti Sains Islam Malaysia serta Perpustakaan Pusat Penyelidikan dan Penyalahgunaan Dadah ASEAN Universiti Sains Islam Malaysia. Selain itu beberapa dokumen rasmi diperoleh daripada Arkib Negara Malaysia. Dokumen-dokumen tersebut adalah berkaitan dengan keselamatan negara, sejarah aktiviti penyeludupan dadah ke Malaysia serta dokumen yang berkaitan dengan sistem pengawalan sempadan negara oleh agensi pengawal keselamatan sempadan yang terdahulu. Bryman (2008) menegaskan bahawa penggunaan dokumen rasmi kerajaan amat signifikan dalam sesebuah kajian kerana kemampuan dokumen tersebut dalam menyediakan pelbagai maklumat.

Rujukan sekunder bahan tidak bercetak seperti buku elektronik dan artikel jurnal dirujuk dengan melayari laman pengendali web seperti SCOPUS, JSTOR, Emerald, Taylor and Francis serta Routledge. Antara jurnal yang dirujuk adalah *Journal of Psychoactive Drugs*; *Journal of Social Science and Humanities*; *Journal of Strategic Studies, Defence and Security*; *The Police Journal: Theory, Practice and Principles*; *Journal of Food and Drug Analysis*; *Drug and Alcohol Review*; *Studies in Conflict & Terrorism*; *The Malaysian Journal of International Relations (University of Malaya)*; *Jurnal Jabatan Sejarah Universiti Malaya*; *Journal of International Studies*, *Jebat: Malaysian Journal of History, Politics & Strategic Studies* dan *Geografia – Malaysian Journal of Society and Space*. Terdapat juga tesis akademik yang dirujuk melalui sistem pelayaran digital ETHOS: e-Theses Online Service yang disediakan oleh Perpustakaan British, United Kingdom.

KAEDAH PENYELUDUPAN DADAH DARI SEGI TIGA EMAS THAILAND KE MALAYSIA

Sindiket penyeludupan dadah telah menggunakan pelbagai kaedah bagi menyeludup dadah dari kawasan Segi Tiga Emas Thailand ke Malaysia. Antara kaedah yang digunakan adalah seperti berikut:

Menggunakan Individu Perseorangan

Kaedah penyeludupan menggunakan individu perseorangan merupakan kaedah paling popular yang digunakan oleh sindiket penyeludupan dadah bagi memindahkan bekalan dadah dari Segi Tiga Emas Thailand ke Malaysia (Wan Azmi 1998). Penyelidik antarabangsa Chouvy dan Meissonnier (2004) turut mengesahkan bahawa sindiket penyeludupan dadah dari Thailand menggunakan khidmat individu perseorangan untuk membawa bekalan dadah dari Myanmar

atau Thailand ke China dan negara-negara yang berdekatan. Manakala Habibah et al. (2017) menyatakan bahawa laluan hutan amat popular digunakan oleh sindiket penyeludupan dadah dari Thailand untuk membawa masuk dadah ke Malaysia. Kaedah ini terbukti keberkesanannya kerana mereka sukar dikesan oleh pasukan rondaan keselamatan ketika melalui laluan hutan bagi menceroboh sempadan Malaysia-Thailand terutama pada waktu malam. Modus operandi kegiatan penyeludupan dadah yang menggunakan individu perseorangan bergantung pada jumlah dadah yang dibawa masuk ke Malaysia. Lee³ menjelaskan bahawa bekalan dadah yang diseludup masuk adalah dalam kuantiti kecil seberat 10–20 kilogram bergantung pada kemampuan pembawa dadah. Menurut Zahari,⁴ kebanyakan individu perseorangan yang menjadi pembawa dadah mempunyai talian persaudaraan dengan ahli keluarga anggota sindiket penyeludupan dadah di Thailand.

Sejak tahun 1970, pasukan keselamatan menyasarkan Tentera Semut Merah sebagai dalang yang menjalankan aktiviti penyeludupan dadah dari Thailand.⁵ Masalah yang melibatkan aktiviti penyeludupan Tentera Semut Merah telah dilaporkan bermula sekitar akhir tahun 1980-an apabila Kerajaan Malaysia menganggarkan seramai lebih 3,000 individu perseorangan yang mendiami kawasan sekitar sempadan Malaysia-Thailand telah menjadi pembawa dadah. Terdapat maklumat yang mengatakan bahawa individu perseorangan telah direkrut sejak usia belasan tahun untuk bekerja dengan sindiket penyeludupan dadah. Zahari⁶ menegaskan bahawa kewujudan Tentera Semut Merah adalah disebabkan oleh faktor keuntungan yang lumayan yang menyebabkan ramai remaja terjebak dengan aktiviti penyeludupan dadah di sempadan kerana kegiatan tersebut merupakan jalan pintas untuk mendapatkan sumber kewangan dengan mudah. Kewujudan Tentera Semut Merah bukan sahaja berlaku di Malaysia tetapi juga di Thailand.

Kanchanaklod⁷ menjelaskan bahawa sindiket penyeludupan dadah di Thailand telah menggunakan Tentera Semut Merah dengan cara bekalan dadah dipecahkan kepada saiz yang kecil untuk diseludup ke sempadan Malaysia-Thailand melalui wilayah Satun dan Narathiwat. Kaedah ini terbukti berkesan kerana bekalan dadah yang dibawa ternyata sukar dikesan oleh pasukan keselamatan Malaysia disebabkan bilangan mereka yang ramai serta bergerak secara berseorangan mengikut laluan yang berbeza. Individu perseorangan yang diupah menjadi pembawa dadah biasanya membawa bekalan dadah dalam bentuk bungkusan karung guni atau beg bersaiz kecil atau sederhana sebelum ditinggalkan berhampiran pagar sempadan Malaysia-Thailand dan kemudiannya diambil sindiket penyeludupan dadah dari Malaysia.⁸ Kaedah ini terbukti berkesan dalam memastikan bekalan dadah yang diseludup tiba ke destinasi tujuan. Dadah yang dibungkus rapi menggunakan guni dapat dicampak melepasi pagar sempadan yang kurang dikawal rapi atau

terlindung atau di kawasan yang sukar dikawal oleh pasukan keselamatan.⁹ Kaedah ini memberikan kelebihan kepada penyeludup yang bergerak secara bersendirian kerana kegiatan tersebut sukar dikesan anggota pasukan keselamatan yang meronda di sekitar pagar sempadan Malaysia-Thailand terutamanya pada waktu malam. Tambahan pula, sekiranya pembawa dadah terserempak dengan pasukan keselamatan yang meronda, mereka boleh menyembunyikan diri dalam kawasan semak ataupun melarikan diri untuk mengelak daripada ditangkap. Berdasarkan maklumat JSJN PDRM Bukit Aman, modus operandi terkini penyeludupan dadah jenis methamphetamine dengan kaedah membungkus dadah dalam bungkusan paket teh Cina jenama Guan Yin Wang, Pin Wei, Qing Shan, Gold Leaf, High Grade Green Tea, Chinese Tea Gift Tea Culture, China Tea serta Alishan Jin Xian Tea seperti contoh dalam Rajah 1.¹⁰ JSJN Bukit Aman turut mengesahkan bahawa kebanyakan dadah yang dirampas dalam serbuan dibungkus dengan pembungkus berlabel teh Cina bagi mengaburi pihak berkuasa.



Rajah 1: Dadah jenis methamphetamine dibungkus dalam pembalut teh Cina yang dirampas oleh PDRM.

Menggunakan Motosikal

Kaedah penyeludupan dadah menggunakan motosikal merupakan salah satu kaedah yang digunakan sindiket penyeludupan dadah bagi membawa masuk bekalan dadah ke Malaysia. Kaedah penyeludupan yang digunakan sangat mudah iaitu dengan menyembunyikan dadah pada bahagian ruang simpanan motosikal yang telah diubah suai.¹¹ Sabri dan Bakar (2008) menjelaskan bahawa bekalan dadah disembunyikan di bahagian penghidup motosikal. Bahagian penutup badan motosikal turut diubah suai menjadi ruangan tersembunyi. Antara komponen lain yang dijadikan lokasi penyembunyian dadah ialah hendal, tangki minyak, bawah pelapik tempat duduk atau dalam bahagian rangka motosikal.¹² Pada tahun 2019, terdapat pembawa dadah yang ditahan oleh pihak AKSEM Negeri Kedah telah menyembunyikan dadah di bawah hendal dan bahagian dalam tayar tanpa tiub (motosikal) bagi mengelak dikesan anggota keselamatan semasa melalui kompleks

ICQS Bukit Kayu Hitam.¹³ Dalam sesetengah kes, terdapat pembawa dadah yang meletakkan dadah berbungkus kain buruk dalam raga muatan motosikal sahaja.

Kelebihan kaedah penyeludupan menggunakan motosikal terletak pada bilangan pengguna motosikal yang tinggi merentasi sempadan Malaysia-Thailand setiap hari. Keadaan ini menyebabkan anggota keselamatan tidak berupaya untuk memeriksa setiap motosikal dengan teliti sekali gus meningkatkan peluang untuk penyeludup berjaya melepasi sempadan negara tanpa tertangkap. Faktor bilangan pengguna motosikal yang ramai juga memudahkan pembawa dadah menyelip masuk (menyamar) dalam kalangan penunggang motosikal yang merentasi sempadan.¹⁴

Namun begitu, kaedah ini mempunyai kelemahan yang ketara iaitu kuantiti dadah yang dapat dibawa menggunakan motosikal yang diubah suai terhad kepada satu hingga dua kilogram sahaja disebabkan faktor saiz motosikal yang kecil yang telah menghadkan jumlah dadah yang boleh disembunyikan dalam ruangan motosikal.¹⁵ Dalam pada itu, informan menjelaskan bahawa modus operendi sindiket penyeludupan dadah terkini ialah menggunakan pembawa dadah yang menyamar sebagai penghantar makanan yang menggunakan motosikal seperti Food Panda dan Grab Food bagi mengaburi pihak berkuasa.^{16, 17, 18}

Menggunakan Kereta Yang Diubah Suai

Kaedah penyeludupan dadah menggunakan kereta adalah kaedah popular yang digunakan oleh sindiket penyeludupan dadah bukan sahaja di Thailand atau Malaysia, malah di peringkat antarabangsa. Decker dan Chapman (2008) mengakui kewujudan kaedah sindiket penyeludupan dadah antarabangsa yang menggunakan ruangan tersembunyi dalam kereta untuk membawa masuk dadah ke Amerika Syarikat dengan menyembunyikan dadah dalam tangki minyak kereta yang diisi petrol bagi mengelak daripada dikesan oleh pihak berkuasa. Sindiket penyeludupan dadah sentiasa menggunakan kaedah terkini untuk menyembunyikan bekalan dadah yang diseludup pada bahagian komponen kereta. Suhana dan Norhaya (2015) menyatakan bahawa kaedah penyeludupan dadah menggunakan ruangan tersembunyi dalam kenderaan persendirian merupakan kaedah yang berkesan bagi membawa masuk dadah dari Thailand. Terdapat kenderaan darat yang diubah suai dengan mewujudkan ruangan khas untuk menyembunyikan dadah daripada dikesan oleh pihak berkuasa semasa melalui tempat pemeriksaan di pintu-pintu sempadan negara.¹⁹ Informan mengesahkan antara kaedah penyeludupan dadah yang dilakukan sindiket penyeludupan dadah di Thailand adalah dengan menyembunyikan bekalan dadah dalam ruangan khas yang tersembunyi dalam kenderaan seperti lori atau kereta yang telah diubah suai.²⁰ Antara kaedah popular

yang digunakan oleh sindiket penyeludupan dadah bagi menyeludup dadah dari Thailand adalah dengan menyembunyikan dadah pada bahagian kenderaan kereta jenis sedan atau kenderaan pacuan empat roda model Jeep, Toyota Hilux atau Mitsubishi Triton.²¹ Walau bagaimanapun, sekiranya bekalan dadah dibawa dalam kuantiti besar, sindiket penyeludupan dadah akan menggunakan lori.²² Dalam satu operasi yang dijalankan, AKSEM Negeri Kedah telah berjaya menahan sebuah kereta yang membawa ganja menggunakan ruangan khas tersembunyi pada bahagian pintu kereta sedan jenis Toyota Camry.²³

Selain ruangan tersembunyi pada bahagian pintu kereta, dadah turut disembunyikan pada bahagian tempat duduk pemandu dan penumpang. Informan menerangkan bahawa sindiket penyeludupan dadah akan mengeluarkan kusyen pelapik yang diperbuat daripada bahan jenis *foam* dan dadah disembunyikan dalam bahagian tempat duduk kenderaan sebelum dibalut dan dijahit semula seolah-olah tidak pernah dibuka.²⁴ Sindiket penyeludupan dadah turut menyembunyikan dadah dalam bahagian tangki minyak kenderaan. Tangki minyak kenderaan diisi padat dengan dadah yang dibungkus rapi menggunakan balutan plastik dan pita pelekat bagi memastikan dadah berada dalam keadaan kalis air dan udara.²⁵ Selepas bekalan dadah dimampatkan dan diisi ke dalam tangki minyak, sindiket penyeludupan dadah mengisi minyak petrol/diesel ke dalam tangki minyak tersebut bagi mengelakkan dadah daripada dikesan oleh anggota keselamatan di laluan masuk Kompleks ICQS. Dadah juga disembunyikan pada bahagian tayar kenderaan terutama kenderaan jenis pacuan empat roda. Kenderaan pacuan empat roda seperti model Toyota Hilux sering kali digunakan kerana saiz tayar yang besar membolehkan bekalan dadah dimuatkan dalam kuantiti yang banyak.²⁶ Melalui kaedah ini, sindiket penyeludupan dadah akan memampatkan dadah pada bahagian tayar. Setelah mampat, tayar kenderaan dipasang semula dengan rim dan seakan-akan mengembung seperti berisi tekanan angin. Tayar kenderaan tersebut boleh digunakan seperti biasa kerana mampatan dadah di dalam tayar yang padat membolehkan kenderaan bergerak lancar kerana mempunyai paras tekanan angin yang normal.²⁷

Kebelakangan ini agensi penguatkuasaan dan keselamatan seperti AKSEM dan JSJN PDRM telah berjaya membanteras kegiatan penyeludupan yang menggunakan kereta seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 2.



Rajah 2: Kenderaan yang membawa bekalan dadah ditahan oleh pihak Agensi Kawalan Sempadan Malaysia (kiri) dan bekalan dadah yang disembunyikan dalam rangka kenderaan (kanan).

Sumber: Agensi Kawalan Sempadan Malaysia (2020).

Menggunakan Muatan Kargo

Kemasukan lori perdagangan dari Thailand ke Malaysia tidak dapat dibendung agensi keselamatan sempadan disebabkan faktor kegiatan ekonomi perdagangan import-eksport antara kedua-dua negara. Lori-lori perdagangan membawa hasil ekonomi yang diperdagangkan peniaga Thailand melibatkan produk-produk komoditi seperti buah-buahan, sayur-sayuran, makanan kering-basah, hasil laut seperti ikan serta pelbagai barangan pertanian. Kemasukan lori-lori perdagangan telah membuka peluang kepada sindiket penyeludupan dadah untuk menyeludup masuk dadah ke Malaysia. Berdasarkan risikan JSJN PDRM, kebanyakan bekalan dadah diseludup masuk dengan kaedah menyembunyikan dadah bersama produk dagangan yang diimport dari Thailand bagi mengaburi pihak berkuasa ketika melalui Kompleks ICQS.²⁸ Modus operandi sindiket penyeludupan dadah yang terkini adalah dengan menyelitkan bekalan dadah bersama dengan produk makanan lain seperti sayur-sayuran, buah-buahan, beras, ikan, bungkusan air batu dan peti ikan bagi mengaburi pihak berkuasa.²⁹ Informan juga mengesahkan bahawa kaedah penyeludupan dadah dengan menyembunyikan dadah bersama dengan barang dagangan tidak sahaja dijalankan di Malaysia, malah turut juga dipraktikkan oleh sindiket penyeludupan dadah di Thailand.³⁰ Modus operandi sindiket penyeludupan dadah yang menyembunyikan dadah dalam barang dagangan dan komoditi bukanlah satu perkara rahsia. Rogers (2008) telah mendedahkan bahawa kaedah penyeludupan dadah yang dijalankan sindiket penyeludupan dadah di Myanmar juga menyembunyikan dadah dalam barangan eksport ke China dan Thailand seperti kayu balak. Hal ini membuktikan bahawa kaedah penyeludupan dadah bersama barangan komoditi sememangnya wujud dan dijalankan oleh sindiket penyeludupan dadah antarabangsa.

Selain menyembunyikan dadah bersama barang dagangan, sindiket penyeludupan dadah turut menyembunyikan dadah dalam ruangan khas. Ruangan tersembunyi yang popular ialah bahagian struktur palang dan tiang besi sokongan lori dan bahagian kerangka lori. Modus operandi terkini sindiket penyeludupan dadah adalah dengan menggunakan lori muatan tiga tan.³¹ Sindiket menyeludup dadah masuk ke Malaysia dengan menyembunyikan dadah dalam bahagian ruangan khas yang tersembunyi seperti tiang-tiang utama dan rangka besi lori yang telah diubah suai. Kaedah ini telah dikesan pada tahun 2018 apabila AKSEM Kedah berjaya menahan sebuah lori dari Thailand ketika melalui Kompleks ICQS Bukit Kayu Hitam dan mendapati lori muatan komersil tersebut membawa dadah yang disembunyikan pada tiang besi kerangka utama.³² Keadaan ini menunjukkan sindiket penyeludupan dadah antarabangsa sentiasa kreatif mencari jalan untuk membawa masuk dadah dengan mempelbagaikan kaedah penyeludupan dari semasa ke semasa untuk mengaburi pihak berkuasa.

DAPATAN KAJIAN

Sindiket penyeludupan dadah menggunakan laluan berbeza untuk membawa bekalan dadah dari Segi Tiga Emas Thailand ke Malaysia melalui negeri Perlis, Kedah, Perak dan Kelantan. Laluan penyeludupan dadah yang digunakan oleh sindiket penyeludupan dadah mempunyai beberapa persamaan: pertama, laluan yang digunakan di keempat-empat negeri melalui kawasan terpencil atau pedalaman seperti jalan darat merentasi sungai (Sungai Golok), melalui pesisiran kuala sungai atau muara laut (Pintu 2 dan Pintu 3 Batu Putih); kedua, melalui jalan darat merentasi kawasan hutan bersempadan Thailand seperti kawasan Checkpoint 11 Padang Besar (Perlis), Durian Burung (Kedah), Felda Air Panas (Perak) dan Pengkalan Hulu (Perak); ketiga, melalui pintu masuk utama negara seperti Kompleks Imigresen Wang Klian, Kompleks ICQS Padang Besar, Kompleks ICQS Bukit Kayu Hitam, Kompleks Imigresen Durian Burung, Kompleks Imigresen Pengkalan Hulu dan Kompleks ICQS Rantau Panjang, Kelantan. Kemasukan bekalan dadah melalui kawasan tersebut berlaku disebabkan kewujudan laluan yang telah kerap kali digunakan oleh sindiket penyeludupan dadah. Tambahan pula, sindiket penyeludupan dadah telah mahir dan arif dengan persekitaran laluan yang dipilih ketika mereka menjalankan kegiatan penyeludupan dadah dari Thailand ke Malaysia. Selain itu, terdapat empat jenis kaedah penyeludupan dadah yang digunakan untuk membawa dadah masuk ke Malaysia. Pemilihan kaedah penyeludupan dadah adalah berdasarkan laluan yang telah dipilih oleh sindiket penyeludupan dadah. Sebagai contoh, penggunaan kaedah penyeludupan dadah menggunakan individu perseorangan lebih kerap digunakan oleh sindiket penyeludupan dadah di kawasan laluan hutan, laluan sungai atau kawasan pesisiran

pantai yang bersempadan dengan Thailand manakala kaedah penyeludupan dadah dengan menggunakan motosikal, kereta yang diubah suai dan muatan kargo lebih popular digunakan di laluan pintu masuk utama Malaysia seperti Kompleks Imigresen dan Kompleks ICQS.

Kaedah penyeludupan dadah yang digunakan oleh sindiket penyeludupan dadah tempatan atau antarabangsa bagi membawa dadah masuk ke Malaysia sentiasa berkembang dan berubah mengikut kreativiti terkini. Sebagai contoh, penggunaan ruangan khas yang tersembunyi merupakan sejenis kaedah penyembunyian dadah yang memerlukan ketelitian serta pengalaman anggota penguatkuasaan keselamatan sempadan untuk mengesan ruangan bekalan dadah disorokkan — dalam pelapik tempat duduk kenderaan, bahagian komponen motosikal, tayar kenderaan, bahagian ruangan dalaman pintu kenderaan, tiang besi rangka kenderaan serta dalam ruangan muatan kargo. Oleh yang demikian, pasukan keselamatan perlu sentiasa meningkatkan kecekapan mereka dalam mengesan modus operandi kaedah penyeludupan dadah terkini bagi memastikan bekalan dadah dapat disekat masuk ke Malaysia dengan lebih berkesan.

Faktor geografi serta bentuk muka bumi sempadan Malaysia-Thailand yang kebanyakan kawasannya diliputi hutan atau sungai telah dimanfaatkan oleh sindiket penyeludupan dadah untuk membawa dadah masuk melalui lorong tikus atau laluan yang biasa digunakan. Sindiket penyeludupan dadah menggunakan penduduk tempatan yang mahir berbahasa Siam serta mempunyai pengetahuan dan kemahiran berkaitan dengan kawasan persekitaran bagi membolehkan mereka membawa masuk dadah ke Malaysia tanpa dikesan oleh pihak berkuasa. Kewujudan pangkalan haram di sekitar tebing Sungai Golok adalah antara faktor penyumbang kepada kegiatan penyeludupan dadah. Sindiket penyeludupan dadah menggunakan pangkalan haram bagi membawa dadah yang biasanya disembunyikan bersama-sama barang komoditi seperti beras dan buah-buahan.

KESIMPULAN

Sindiket penyeludupan dadah sentiasa mengambil peluang yang wujud untuk menyeludup bekalan dadah masuk ke Malaysia terutamanya ketika pandemik COVID-19. Menurut Pengarah JSJN Bukit Aman, Pesuruhjaya Polis Dato' Razarudin bin Husain (kini Ketua Polis Negara sejak 23 Jun 2023), permintaan tinggi penagih tempatan menyebabkan berlakunya peningkatan kemasukan dadah ke Malaysia terutama sewaktu pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). Peningkatan penyeludupan dadah ke Malaysia dikesan berlaku sama ada melalui jalan laut atau jalan darat. Sindiket penyeludupan dadah semakin kreatif

mempelbagaikan kaedah penyeludupan dadah dengan menggunakan perkhidmatan penghantaran barangan sama ada perkhidmatan penghantaran berdaftar seperti penghantaran mel dan pos atau melalui perkhidmatan penghantaran makanan berbayar seperti Grab Food dan Food Panda dalam usaha mereka mengaburi pihak berkuasa daripada mengesan modus operandi terkini penyeludupan dadah. Pasukan keselamatan perlu sentiasa berwaspada serta meningkatkan kecekapan penguatkuasaan dalam membanteras kegiatan penyeludupan dadah dari semasa ke semasa. Hal ini adalah kerana sindiket penyeludupan dadah semakin kreatif dan licik menggunakan pelbagai kaedah penyeludupan dadah terutama ketika negara Malaysia sedang dilanda pandemik COVID-19.

Kerajaan Malaysia telah berusaha dengan serius dan jitu untuk mengatasi masalah penyeludupan dadah dari Thailand. Sebagai contoh, Pelaksanaan Akta Dadah Merbahaya 1952 telah memperlihatkan ketegasan Kerajaan Malaysia untuk tidak berkompromi dengan aktiviti jenayah yang melibatkan penyeludupan dan pengedaran dadah di Malaysia. Hal ini telah dizahirkan melalui pelaksanaan hukuman gantung sampai mati kepada penyeludup dan pengedar dadah yang beroperasi di Malaysia. Pelaksanaan hukuman gantung sampai mati telah memberikan peringatan kepada sindiket penyeludupan dadah untuk tidak melakukan kegiatan jenayah berkaitan dadah di Malaysia. Selain menimbulkan rasa kegerunan dalam kalangan penyeludup dadah, hukuman gantung merupakan sejenis bentuk pencegahan yang bersifat perundangan yang adil dalam menghukum penjenayah melibatkan dadah. Hal ini adalah kerana kebinasaan akibat dadah amat dahsyat kesannya terhadap sistem sosial masyarakat hingga menyebabkan berlakunya masalah penyalahgunaan dadah. Sekiranya seorang penyeludup dadah digantung sampai mati, sekurang-kurangnya hukuman ini telah menghapuskan seorang penyeludup yang boleh merosakkan kehidupan beribu anak bangsa yang menjadi penagih dadah disebabkan dadah yang diseludup atau dijual oleh mereka.

Kerjasama pasukan keselamatan Malaysia-Thailand dalam menangani masalah penyeludupan dadah di kawasan sempadan merupakan satu bentuk pendekatan diplomasi hubungan antarabangsa melalui kerjasama yang dapat mengeratkan hubungan diplomatik antara negara Thailand dan Malaysia. Kerjasama ini melibatkan aktiviti rondaan pasukan keselamatan secara bersama di kawasan sempadan Malaysia-Thailand, pelaksanaan kursus pencegahan dan latihan bagi menangani kegiatan penyeludupan dadah di kawasan sempadan serta pertukaran maklumat perisikan antara pasukan keselamatan kedua-dua buah negara. Perkara ini menunjukkan kesefahaman dan kesepaduan antara Kerajaan Malaysia dan Kerajaan Thailand dalam usaha mengatasi masalah penyeludupan dadah secara habis-habisan. Tambahan pula, Kerajaan Malaysia sentiasa komited dalam memberikan kerjasama kepada organisasi anti-dadah antarabangsa. Kebanyakan

informan telah mengesahkan wujudnya kerjasama antara pihak anti-dadah negara Malaysia seperti JSJN PDRM dengan pertubuhan anti-dadah antarabangsa seperti Pejabat Dadah dan Jenayah Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, Pertubuhan Polis Antarabangsa (INTERPOL), Pertubuhan Kastam Antarabangsa dan Biro Pengawalan Narkotik Antarabangsa. Pada peringkat ASEAN, komitmen Kerajaan Malaysia menangani kegiatan penyeludupan dadah di Asia Tenggara telah dizahirkan melalui kerjasama dengan organisasi anti-dadah ASEAN seperti Pusat Kerjasama Narkotik ASEAN, Pusat Rangkaian Pengawasan Dadah ASEAN serta Pusat Koordinasi Maklumat Bagi Menangani Jenayah Dadah Asia Pasifik. Kerjasama ini telah menunjukkan sokongan padu Malaysia yang tidak berbelah bahagi dalam mengatasi masalah penyeludupan dadah berdasarkan Deklarasi Negara ASEAN Bebas Dadah yang diwujudkan sejak tahun 2015.

Dalam pada itu, Kerajaan Malaysia perlu lebih berusaha bagi meningkatkan keselamatan sempadan Malaysia-Thailand dengan melaksanakan pembinaan pagar keselamatan yang baharu, penggunaan dron bagi kawalan sempadan serta melengkapi kompleks imigresen dengan mesin pengimbas kenderaan dan tubuh badan berteknologi tinggi. Cadangan yang disarankan perlu menjadi keutamaan kerajaan kerana hal ini dapat membantu meningkatkan kawalan keselamatan sempadan Malaysia-Thailand serta memperbaiki kelemahan sempadan yang wujud selama ini. Namun begitu, terdapat beberapa faktor yang perlu diberi pertimbangan oleh Kerajaan Malaysia dalam menjalankan langkah pencegahan penyeludupan dadah. Pelaksanaan langkah pencegahan bagi menangani isu penyeludupan dadah yang telah dijalankan oleh Kerajaan Malaysia turut melibatkan beberapa isu berkaitan kerjasama pasukan keselamatan Malaysia-Thailand serta kerjasama Kerajaan Malaysia dengan organisasi anti-dadah antarabangsa. Antara isu yang mungkin timbul ialah isu berkenaan keselamatan maklumat. Sebagai contoh, aktiviti latihan pencegahan dadah serta pertukaran maklumat perisikan merupakan aktiviti yang mempunyai darjah kerahsiaan maklumat yang tinggi yang boleh mewujudkan isu keselamatan maklumat secara tidak langsung. Maklumat operasi serta maklumat risikan mungkin terdedah kepada pihak luar negara dan sekali gus meningkatkan risiko kebocoran rahsia Kerajaan Malaysia dan pasukan keselamatan dalam mengendalikan aktiviti pencegahan penyeludupan dadah. Walaupun bukan semua maklumat rahsia perlu didedahkan pada setiap masa, pertukaran maklumat risikan berkaitan kegiatan penyeludupan dadah masih lagi merupakan sejenis risiko keselamatan, terutamanya apabila maklumat tersebut jatuh ke tangan pihak yang tidak jujur.

Terdapat juga campur tangan politik dalam proses perundangan yang melibatkan pelaksanaan hukuman gantung sampai mati di bawah Seksyen 39B(2) Akta Dadah Merbahaya 1952. Wujud pihak tertentu yang mencadangkan pemansuhan hukuman

mati terhadap penyeludup dan pengedar dadah atas faktor kemanusiaan. Cadangan sesetengah pihak yang mempunyai agenda peribadi merupakan salah satu bentuk campur tangan politik yang berupaya menyebabkan ketidaklancaran perjalanan sistem perundangan anti-dadah di Malaysia. Sebagai contoh, pemansuhan hukuman gantung sampai mati memerlukan ketelitian serta masa yang panjang dalam proses penggubalan undang-undang. Hal ini adalah kerana penukaran status hukuman memerlukan undang-undang dibahaskan di Parlimen yang mempunyai unsur campur tangan politik dan keadaan ini sekali gus menimbulkan permasalahan birokrasi perundangan yang akan memakan masa. Pada masa yang sama, langkah-langkah pencegahan yang perlu dilaksanakan oleh Kerajaan Malaysia dalam mengatasi masalah penyeludupan dadah turut melibatkan implikasi kewangan yang besar kepada pihak kerajaan. Sebagai contoh, pembelian dron dan mesin pengimbas berteknologi tinggi memerlukan peruntukan perbelanjaan puluhan juta ringgit. Proses menaik taraf dan membina pagar keselamatan sempadan baharu juga merupakan projek jangka panjang yang memerlukan peruntukan kewangan berbilion ringgit untuk dilaksanakan secara berperingkat. Oleh yang demikian, Kerajaan Malaysia perlu melihat kesesuaian bagi pelaksanaan langkah pencegahan penyeludupan dadah dari konteks implikasi serta kemampuan kewangan negara pada masa hadapan.

Sebagai rumusan, kegiatan penyeludupan dadah di Segi Tiga Emas Thailand menjadi ancaman terhadap keselamatan negara Malaysia. Kemasukan dadah dari Thailand masih lagi tidak dapat dihapuskan secara menyeluruh. Kerajaan Malaysia perlu melihat secara menyeluruh keadaan keselamatan sempadan Malaysia-Thailand yang turut menjadi salah satu faktor kemasukan dadah dari luar negara. Faktor geografi sempadan serta isu keperluan logistik agensi penguatkuasaan adalah antara perkara yang perlu diberikan perhatian oleh kerajaan dalam memastikan operasi pembanterasan penyeludupan dadah dapat dijalankan dengan lebih berkesan. Pasukan keselamatan perlu mengambil langkah proaktif dalam memastikan kawalan keselamatan sempadan Malaysia-Thailand dapat dipertingkatkan dari semasa ke semasa kerana sindiket penyeludupan dadah sentiasa mengambil peluang atas kelemahan sempadan yang wujud dalam usaha mereka menyeludup dadah ke Malaysia.

PENGHARGAAN

Ucapan terima kasih diucapkan kepada Pengarah JSJN PDRM Bukit Aman, Yang Dihormati Pesuruhjaya Polis Dato' Razarudin bin Hussain atas kebenaran yang diberikan untuk menjalankan temu bual bersama Ketua JSJN Kontinjen Negeri Perlis, Kedah, Perak dan Kelantan. Ucapan terima kasih juga diucapkan kepada

Tuan Mohd Ridzzuan bin Mohd Zain, Timbalan Ketua Pengarah (Strategik) Agensi Kawalan Sempadan Malaysia atas kelulusan untuk menemu bual Komander dan Timbalan Komander Agensi Kawalan Sempadan Malaysia Negeri Perlis, Kedah, Perak dan Kelantan. Tidak dilupakan penghargaan kepada pihak Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM) atas bantuan yang diberikan bagi menjalankan kajian ini yang dihasilkan daripada Tesis Doktor Falsafah (Hubungan Antarabangsa dan Strategi).

NOTA

1. Heroin ialah dadah jenis opiat yang diperolehi daripada pokok popi (*Papaver somniferum*). Diproses melalui penukaran candu mentah ataupun getah daripada buah popi yang ditoreh. Di sudut perubatan, heroin melegakan kesakitan dan merehatkan badan pada sukatan dos tertentu. Namun, heroin mempunyai keburukan iaitu kesan ketagihan yang melampau kepada pengguna. Bahan asas ataupun komponen kimia yang terdapat dalam heroin: asetik anhidrida, aseton, asid asetik (glasial), kalsium oksida, kalium karbonat, natrium karbonat, natrium hidroksida dan sodium hipoklorit. (Lihat Lua dan Talib 2012).
2. Menurut Leavitt (1993), opiat (candu) sejenis dadah yang diperolehi daripada pokok popi. Opiat adalah sejenis sebatian kimia yang dinamakan sebagai *morfina alkaloid*. Opiat siap proses merupakan sumber bahan utama bagi penghasilan dadah jenis heroin. Penggunaan opiat ataupun heroin dalam kuantiti atau dos yang berlebihan boleh mengakibatkan kematian kepada penggunanya. (Lihat Leavitt 1993).
3. Temu bual bersama Penolong Pesuruhjaya Polis Lee King Chuan, Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik Kontinjen Perak. Temu bual dijalankan pada 18 Disember 2020 di Ipoh, Perak.
4. Temu bual bersama Penguasa Polis Zahari Abu Samah, Penolong Pengarah Narkotik (Teknikal/Analisis) Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik Bukit Aman. Temu bual dijalankan pada 6 Januari 2021 di Bukit Aman, Kuala Lumpur.
5. Tentera Semut Merah ialah nama panggilan kepada individu ataupun orang perseorangan yang tinggal berdekatan Malaysia-Thailand. Merupakan penduduk tempatan yang dilahirkan di kawasan tersebut ataupun telah menetap sejak sekian lama terutamanya di kawasan kampung yang berhampiran sempadan Thailand. Kebiasaannya aktiviti penyeludupan dijalankan penduduk kampung secara kecil-kecilan dengan membawa masuk dan keluar barangan komoditi seperti makanan, minyak masak, minyak petrol/diesel, gas bersubsidi dan mercun. Kegiatan ini menjadi tradisi sejak dahulu lagi kerana faktor hubungan persaudaraan yang erat antara penduduk Kelantan dengan Thailand. (Lihat Arkib Negara Malaysia 1988).
6. Temu bual bersama Penguasa Polis Zahari Abu Samah.
7. Temu bual bersama Leftenan Kolonel Sukrit Kanchanaklod, Timbalan Pegawai Memerintah Rejimen Pasukan Khas Renjer ke-49 Pasukan Petugas

- Khas Wilayah Narathiwat, Pemerintahan Operasi Keselamatan Dalam Negeri Keempat, Tentera Darat Diraja Thailand. Temu bual dijalankan pada 8 Mei 2021 di Putrajaya.
8. Temu bual bersama Sarjan Mejar Azman bin Mustapha, Timbalan Komander Agensi Kawalan Sempadan Malaysia Negeri Perak. Temu bual dijalankan pada 17 Disember 2020 di Pengkalan Hulu, Perak.
 9. Temu bual bersama Penolong Penguasa Polis Mohd Adlin bin Arifin, ASP Analisis Media/Rangkaian/Keselamatan (1) Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik Bukit Aman. Temu bual dijalankan pada 6 Januari 2021.
 10. Poster Analisis 2019. Terbitan Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik Bukit Aman, Ibu Pejabat Polis Diraja Malaysia, Bukit Aman, Kuala Lumpur.
 11. Temu bual bersama Tuan Abd. Mutalif bin Ahmad, Timbalan Komander Operasi Agensi Kawalan Sempadan Negeri Kedah pada 13 Disember 2020 di Alor Setar, Kedah.
 12. Temu bual bersama Sarjan Mejar Azman bin Mustapha.
 13. Temu bual bersama Tuan Abd. Mutalif bin Ahmad.
 14. Temu bual bersama Penguasa Polis Zahari Abu Samah.
 15. Temu bual bersama Sarjan Mohd Shukor bin Hassan, Pegawai Perisikan Agensi Kawalan Sempadan Malaysia Negeri Perak pada 17 Disember 2020.
 16. Temu bual bersama Penolong Pesuruhjaya Polis Lee King Chuan.
 17. Temu bual bersama Penolong Pesuruhjaya Polis Mohd Taufik bin Maidin, Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik Kedah pada 7 Mac 2021 di Alor Setar, Kedah.
 18. Temu bual bersama Timbalan Pesuruhjaya Polis Tuan Zainudin bin Ahmad, Timbalan Pengarah (Operasi/Risikan) Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik Bukit Aman pada 6 Januari 2021 di Bukit Aman, Kuala Lumpur.
 19. Temu bual bersama Penguasa Polis Chan Ngai Ho, Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik Kontinjen Perlis pada 15 Disember 2020 di Kangar.
 20. Temu bual bersama Leftenan Kolonel Polis Alum Maekharat, Timbalan Penguasa Polis Bahagian Siasatan Balai Polis Muang, Wilayah Narathiwat merangkap Pegawai Bantuan Perisikan Pejabat Lembaga Kawalan Narkotik Thailand ke-9. Temu bual dijalankan secara atas talian menggunakan e-mel pada 21 Mei 2021.
 21. Temu bual bersama Timbalan Pesuruhjaya Polis Tuan Zainudin bin Ahmad.
 22. Temu bual bersama Penolong Pesuruhjaya Polis Lee King Chuan.
 23. Temu bual bersama Tuan Abd. Mutalif bin Ahmad.
 24. Temu bual bersama Penguasa Polis Zahari Abu Samah.
 25. Temu bual bersama Timbalan Pesuruhjaya Polis Tuan Zainudin bin Ahmad.
 26. Temu bual bersama Penolong Pesuruhjaya Polis Lee King Chuan.
 27. Temu bual bersama Penguasa Polis Zahari Abu Samah.
 28. Temu bual bersama Penolong Pesuruhjaya Polis Lee King Chuan.
 29. Temu bual bersama Kapten Mohd Zaker bin Josoh, Pegawai Perhubungan Pejabat Koordinasi Sempadan Malaysia-Thailand pada 17 Disember 2020. Temu bual dijalankan di Mes Pegawai Batalion Ketiga Rejimen Sempadan, Pengkalan Hulu, Perak.

30. Temu bual bersama Leftenan Kolonel Polis Charun Intra, Pegawai Operasi/Risikan Divisyen ke-44 Batalion Pasukan Polis Sempadan Diraja Thailand. Temu bual dijalankan secara dalam talian menggunakan e-mel pada 14 Mei 2021.
31. Temu bual bersama Penguasa Polis Zahari Abu Samah.
32. Temu bual bersama Tuan Abd. Mutalif bin Ahmad.

RUJUKAN

- Abdul Ghafar Taib. 1988. *Dadah: Strategi dan kawalan di sekolah-sekolah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Agensi Kawalan Sempadan Malaysia. 2020. *Kedaulatan dan Keselamatan Sempadan Negara*. Putrajaya: Kementerian Dalam Negeri Malaysia.
- Arkib Negara Malaysia. 1988. *Kedudukan masalah penyeludupan dan pengedaran dadah dan tindakan bagi menyekat kemasukan bekalan dadah melalui negeri-negeri perbatasan*. Nombor fail: 1992/00096, nombor penerimaan: 2000/0026410, 61–62.
- Barbour, R. 2008. *Introducing qualitative research*. New York: Sage Publication.
- Berg, B.L. 2004. *Qualitative research method for social sciences*. London: Pearson Limited.
- Bovaird, J.A. and S.E. Embretson. 2008. Modern measurement in social sciences. In *The SAGE handbook of social research methods*, eds. P. Alasuutari, L. Bickman and J. Brannen, 268–269. New York: Sage Publications. <https://doi.org/10.4135/9781446212165.n16>
- Bryman, A. 2008. *Social research methods*. London: Oxford University Press.
- Chalk, P. 2000. Southeast Asia and the Golden Triangle's heroin trade: Threat and response. *Studies in Conflict & Terrorism* 23(2): 89–106. <https://doi.org/10.1080/105761000265548>
- Chin, K.L and S.X. Zhang. 2015. *The Chinese heroin trade: Cross-border drug trafficking in Southeast Asia and beyond*. New York: New York University Press. <https://doi.org/10.18574/nyu/9781479865574.001.0001>
- Chouvy, P.A. 2010. *Opium: Uncovering the politics of the poppy*. Boston: Harvard University Press. <https://doi.org/10.4159/9780674056244>
- _____. 2013. *An atlas of trafficking in Southeast Asia: The illegal trade in arms, drugs, people, counterfeit goods and natural resources in mainland Southeast Asia*. New York: I.B. Taurus.
- Chouvy, P.A. and J. Meisssonier. 2004. *Yaa Baa: Production, traffic and consumption of methamphetamine in mainland Southeast Asia*. Singapore: National University of Singapore Press. <https://doi.org/10.4000/12eg0>
- Cornell, S.E. 2007. Drug smuggling in central Eurasia. In *Transnational threats: Smuggling and trafficking in arms, drugs, and human life*, ed. K.L. Thachuk. New York: Praeger Security International.

- Decker, S.H. and M.T. Chapman. 2008. *Drug smugglers on drug smuggling: Lessons from the inside*. Philadelphia: Temple University Press.
- Desrosiers, A., C. Weng-Tink, Norzarina Mohd Zaharim, Imran Ahmad, Mohd Azhar Mohd Yasin, Sharifah Z. Syed Jaapar, S. Richard, et al. 2016. Emerging drug use trends in Kelantan, Malaysia. *Journal of Psychoactive Drugs* 48(3): 218–226. <https://doi.org/10.1080/02791072.2016.1185553>
- Flick, U. 2006. *An Introduction to qualitative research*. London: Sage Publication.
- Habibah Ahmad, Hamzah Jusoh, E.A. Choy, Amriah Buang, S. Sivapalan, Nur Farahin Zainuddin, Mohd Kamarulnizam Abdullah and Sri Warni Samsir. 2017. Mengurus pelancongan sempadan Malaysia-Thailand: Kesepaduan atau konflik. *Geografia-Malaysian Journal of Society and Space* 10(8): 65–71.
- Leavitt, F. 1993. *Dadah dan tingkah laku*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Lua and Talib. 2012. *Terapi gantian metadon untuk penagihan dadah*. Kuala Terengganu: Penerbit Universiti Sultan Zainal Abidin
- Muthiah, P. 2008. *Qualitative research: Data collection and data analysis techniques*. Sintok: Universiti Utara Malaysia Press.
- O'Callaghan. 1978. *The triads: The illustrated inside story of the Chinese mafia*. London: Allen & Co. Limited.
- Pierce, R. 2008. *Research methods in politics: A practical guide*. London: Sage Publications. <https://doi.org/10.4135/9780857024589>
- Ritchie, J., J. Lewis, C.M. Nicholls and R. Ormston. 2014. *Qualitative research practice: A guide for social science students and researchers*. London: Sage Publications.
- Rogers, R.A. 2008. *Segi tiga emas: Perniagaan narkotik di Asia Tenggara*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Romeo, M.S.S., N.A. Abd Rahman, W.A. Zabidi, H. Jazri and S. Singh. 2020. Dark web and drug trafficking technology factors that influence, reduce and prevent drug trafficking. *PalArch's Journal of Archaeology of Egypt/Egyptology* 17(7): 5182–5190.
- Sabri Yusoh and Che Bakar Che Mat. 2008. *Penyalahgunaan dan pengedaran dadah di Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Sabhasri, S. 1978. Opium culture in Northern Thailand: Social and ecological dilemmas. In *Farmers in the forest: Economic development and marginal agriculture in northern Thailand*, P. Kunstadter, E.C. Chapman and S. Sabhasri, 206–209. Honolulu: University Press of Hawaii.
- Sarina Mohamed. 2012. *Drug abuse and human rights: Cases and commentaries*. Kuala Lumpur: University of Malaya Press.
- Scorzelli, J. 1987. *Drug abuse, prevention and rehabilitation in Malaysia*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Sen, S. 1991. Heroin trafficking in the Golden Triangle. *The Police Journal* 64(3): 241–248. <https://doi.org/10.1177/0032258X9106400310>
- Sinn, D., and N. Soares. 2014. Historians' use of digital archival collections: The web, historical scholarship, and archival research. *Journal of the Association for Information Science and Technology* 65(9): 1794–1809. <https://doi.org/10.1002/asi.23091>

- Spencer, C.P. and V. Navaratnam. 1981. *Drug abuse in East Asia*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- Suhana Ismail and Norhaya Jaafar. 2015. Drug smuggling in Malaysia: Our recent case files. *Malaysian Journal of Forensic Sciences* 5(1): 44–47.
- Wan Azmi Ramli. 1986. *Selangkah ke kubur*. Kuala Lumpur: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Wan Azmi Ramli. 1998. *Petaka abad ke-21: Penagihan, kemakyahan, gay lesbian-homosex, pelacuran dan AIDS*. Kuala Lumpur: Golden Books Centre.
- Wiant, J.A. 1985. Narcotics in the golden triangle. *The Washington Quarterly* 8(4): 125–140. <https://doi.org/10.1080/01636608509477340>